

Teguran urus kewangan usah lagi berulang

Sekali lagi laporan Ketua Audit Negara menarik perhatian khalayak. Kali ini Laporan Ketua Audit Negara Siri 1 Tahun 2013 menggariskan 109 syor bagi membantu kementerian dan agensi kerajaan terbabit, untuk mengatasi dan memperbaiki kelemahan yang sudah dikenal pasti. Menurut ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang laporan yang sudah dibentangkan di Dewan Rakyat itu membabitkan perkara yang sudah diperhatikan hasil pengauditan terhadap 17 program, aktiviti dan projek di bawah 14 kementerian dan jabatan serta pengurusan dua syarikat kerajaan.

Secara ringkasnya kata beliau lagi, masih ada kelemahan ketara seperti pembayaran yang tidak teratur; kerja, bekalan dan perkhidmatan yang dilaksanakan tidak mengikut spesifikasi ditetapkan, tidak berkualiti ataupun tidak sesuai; kelewatan dan harga tidak munasabah, pembaziran, kelemahan dalam pengurusan hasil, proses pengurusan dan penyenggaraan aset kerajaan juga masih lemah, ketidakpatuhan terhadap undang-undang alam sekitar serta kelemahan pengurusan syarikat kerajaan.

Kelemahan berulang

Hakikatnya, ini bukanlah kali pertama kelemahan seperti itu dikenal pasti kerana hampir setiap tahun, hasil penemuan audit menceritakan skrip sama ataupun berulang. Justeru, timbul persoalan di mana silapnya. Adakah ia disebabkan oleh kelemahan dan kecuaiannya manusia iaitu pegawai yang terbabit atau kelemahan sistem sedia ada.

Mengikut rumusan laporan audit kali ini, antara punca utama segala kelemahan yang berlaku itu disebabkan oleh kecuaiannya mematuhi prosedur dan peraturan yang ditetapkan oleh kerajaan; kurang teliti semasa merancang sesuatu program, aktiviti atau projek dan menetapkan skop serta spesifikasi tender selain tidak memantau dengan kerap serta teliti kerja kontraktor, vendor dan perunding.

Justeru, Jabatan Audit Negara mencadangkan supaya ketua setiausaha kementerian, ketua jabatan dan ketua eksekutif mengambil tanggungjawab menjalankan pemeriksaan menyeluruh bagi setiap program, projek ataupun aktiviti di jabatan masing-masing.

Ternyata penemuan dan rumusan laporan ini sekali lagi menjerus ke arah kelemahan manusia yang ketara iaitu pegawai terbabit sama ada secara langsung mahupun tidak langsung dalam sesuatu program, aktiviti, projek atau perolehan yang berkaitan.

Apa yang kita harapkan laporan ini akan membuka mata semua

pihak untuk lebih serius, berhemat dan berhati-hati dalam menguruskan wang rakyat. Beri perhatian kepada syor dan cadangan yang sudah dikemukakan oleh pihak audit secara serius. Kita tidak mahu kelemahan segelintir individu merosakkan imej keseluruhan jabatan. Apa yang lebih penting, ketua jabatan perlu ambil iktibar dan memastikan perkara seumpama ini tidak berulang lagi.

Untuk itu, semua jabatan kerajaan perlu merangka pelan tindakan pembetulan dan pencegahan efektif secara komprehensif. Sebagai permulaan, atasi kelemahan yang dikenal pasti dengan segera. Rakyat mahu penjawat awam bertindak dengan segera dan penuh bertanggungjawab.

Pemantauan dalaman

Pada masa sama, sebagai langkah jangka panjang dan tindakan pencegahan, setiap ketua jabatan perlu memastikan perkara ini tidak berulang lagi. Untuk itu proses pemantauan dalaman perlu dimantapkan. Tidak perlu setiap tahun kita menunggu pihak audit negara untuk mengaudit mahupun memantau kerja kita.

Pihak jabatan sendiri perlu ada sistem pemantauan yang boleh mengenal pasti kelemahan dan ketirisan pada setiap peringkat pelaksanaan sesuatu program, aktiviti mahupun projek supaya langkah intervensi dan pembetulan dapat diambil dengan segera.

Hal ini penting dan semua ketua jabatan perlu memandang serius kerana setiap kelemahan dan ketirisan mengakibatkan pembaziran dan kerugian wang ringgit mahupun peningkatan kos yang tinggi. Ini jelas merugikan rakyat dan negara apatah lagi kelemahan ini merencatkan dan melambatkan segala manfaat yang patut dinikmati oleh rakyat terutama golongan sasaran.

Misalnya, kelewatan penyiapan sesuatu projek akibat kelemahan dan kecuaiannya kita pasti merugikan kumpulan sasaran di samping meningkatkan kos pembinaan.

Apapun sebagai proses pengajaran, kita berharap jabatan yang berkenaan akan mengambil tindakan tegas seperti tata tertib atau surcaj kepada pegawai yang cuai atau gagal melaksanakan tugas tanpa sebab munasabah sehingga kerajaan menanggung kerugian. Kita tidak mahu jabatan kerajaan terus dilabel sebagai tidak efektif hanya kerana tindak-tanduk segelintir pegawai yang gagal melaksanakan tugas dengan amanah dan baik.



Penulis

ialah Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Universiti Putra Malaysia